

Islam Berkemajuan hidupkan kecemerlangan, disiplin ilmu

Oleh Mohamad Daniel Syafiq
Mohamad Sulaiman
bhagama@bh.com.my

Istilah 'Islam Berkemajuan' mungkin kedengaran asing atau sedikit janggal bagi segelintir pihak. Malah, ada yang curiga seolah-olah istilah ini membawa agenda baharu yang terpisah daripada arus perdana Islam.

Namun bagi mereka yang menelusuri sejarah gerakan pembaharuan Islam di Nusantara, istilah ini bukan sesuatu yang asing bahkan sudah lama berakar, khususnya melalui gerakan tajdid seperti Muhammadiyah di Indonesia yang berusaha mengembalikan umat kepada kesucian ajaran Islam, sambil menyesuaikan dengan tuntutan zaman.

Islam Berkemajuan bukan mazhab baharu, apatah lagi satu ajaran cuba memisahkan diri daripada Ahli Sunnah wal Jamaah. Ia juga bukan satu ideologi politik atau aliran pemikiran liberal yang bebas daripada disiplin ilmu.

Sebaliknya, Islam Berkemajuan ialah satu manhaj atau kerangka berfikir menampilkan wajah Islam dinamik, berdaya saing dan sentiasa relevan merentas zaman, tanpa mengorbankan prinsip syarak qat'ie.

Pendekatan ini selaras dengan nilai wasatiyyah iaitu konsep umat pertengahan seimbang. Wasatiyyah menekankan keseimbangan antara tradisi dan inovasi, rohani dan material tanpa ekstremisme atau kelalaian, sambil tetap berpegang teguh kepada wahyu.

Islam tidak wajar difahami secara sempit sebagai agama yang terbatas pada ruang ibadah ritual seperti masjid dan surau semata-mata.

Sebaliknya, Islam perlu dizahirkan secara seimbang dalam seluruh aspek kehidupan manusia sebagai panduan menyeluruh yang mampu menangani permasalahan masyarakat, membina keharmonian sosial serta menggerakkan pembinaan tamadun berteraskan nilai kemanusiaan serta keadilan.

Pendekatan menyeluruh ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 143 yang menegaskan konsep umat pertengahan, iaitu bersifat adil, seimbang dan bertanggungjawab menjadi saksi kepada manusia dalam menegakkan kebenaran, dengan Rasulullah SAW sebagai teladan utama.

Konsep wasatiyyah ini menjadi asas penting dalam memahami peranan Islam dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara.

Konsep kemajuan menurut ajaran Islam tidak terhad kepada aspek fizikal dan kebendaan semata-mata. Ia merangkumi dimensi rohani, intelektual dan sosial bagi mencapai kebahagiaan di dunia serta kesejahteraan di akhirat. Atas kerangka inilah, muncul perbincangan sama ada Islam perlu dimajukan atau kemajuan perlu diIslamkan, satu wacana yang bukan baharu dalam pemikiran Islam kontemporari.

Bimbing kehidupan selari nilai Islam

Islam sebagai agama sempurna dan bersumberkan wahyu tidak memerlukan pemodenan seolah-olah ia ketinggalan zaman. Sebaliknya, kemajuan itu perlu dipandu dan disaring supaya selaras dengan nilai tauhid, akhlak, keadilan dan maqasid syariah.

Dalam konteks inilah, penegasan kepemimpinan negara mengenai Islam yang rahmah dan berkemajuan perlu difahami sebagai usaha mengislamkan kemajuan.

Ia bertujuan membimbing pembangunan, teknologi, tata kelola dan kehidupan moden supaya bergerak dalam kerangka nilai Islam sederhana, berteraskan ihsan dan berpaksikan tujuan syariah.

Timbul pula persoalan, bukankah istilah 'hijrah' lebih tepat dan lebih Islami. Hakikatnya, kedua-dua istilah ini saling melengkapi. Hijrah dalam Islam bukan sekadar perpindahan fizikal dari satu tempat ke tempat lain, tetapi



Kemajuan perlu dipandu dan disaring supaya selaras dengan nilai tauhid, akhlak, keadilan dan maqasid syariah

satu anjakan paradigma.

Tanpa kesedaran untuk maju, hijrah tidak akan berlaku. Hijrah ialah proses, manakala kemajuan ialah destinasi. Justeru, apabila Islam Berkemajuan dibicarakan, ia tidak bercanggah dengan konsep hijrah, bahkan menghidupkan semula makna hijrah sebagai usaha berterusan meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan peradaban.

Salah satu ciri utama Islam Berkemajuan ialah kefahaman bahawa hukum Islam memiliki fleksibiliti terancang, bukan kekakuan membuta tuli. Jika kita menelusuri sejarah pembinaan hukum Islam, kita akan mendapati ulama silam sangat peka terhadap realiti semasa dalam proses berijtihad. Islam tidak pernah difahami sebagai agama beku atau terpisah daripada kehidupan manusia.

Imam Syafii menjadi contoh terbaik. Beliau mempunyai dua set pandangan hukum dikenali sebagai 'qaul qadim' ketika berada di Baghdad dan 'qaul jadid' selepas menetap di Mesir. Perubahan pandangan ini bukan kerana hukum Allah berubah, tetapi kerana Imam Syafii menyedari perbezaan budaya, adat dan keperluan masyarakat setempat.

Begitu juga Imam Abu Hanifah yang membenarkan pembayaran zakat fitrah menggunakan nilai wang, berbeza dengan pandangan jumhur berpegang kepada pemberian makanan ruji. Ijtihad ini lahir daripada kepekaan terhadap realiti ekonomi dan keperluan golongan fakir miskin. Ia menunjukkan tujuan hukum diutamakan, bukan sekadar bentuk luaran pelaksanaannya.

Dalam Mazhab Maliki pula, prinsip masalah mursalah digunakan secara meluas dalam penggubalan hukum pentadbiran dan dasar awam, selagi tidak bercanggah dengan nas yang jelas. Kesemua contoh ini membuktikan fiqh Islam ialah satu sistem hidup, berkembang dan

sentiasa berinteraksi dengan realiti manusia.

Dalam membicarakan Islam Berkemajuan, peranan usul fiqh tidak boleh dipinggirkan. Usul fiqh ialah disiplin mengawal cara hukum dikeluarkan daripada nas, memastikan perubahan berlaku secara berprinsip dan berdisiplin.

Melalui kaedah seperti qiyas, istihsan, istishab serta pertimbangan 'urf dan sadd al-zhara'i', ulama membina satu kerangka membolehkan hukum Islam berfungsi dalam pelbagai konteks tanpa terkeluar daripada landasan wahyu.

Tanpa penguasaan usul fiqh, perubahan mudah terjerumus sama ada ke dalam kejumudan literal atau kebebasan tanpa kawalan.

Kembalikan kuasa ilmu

Islam Berkemajuan menuntut pengembalian kuasa ilmu bahawa ijtihad hanya boleh dilakukan oleh mereka yang memahami disiplin, bukan berdasarkan sentimen atau tekanan semasa.

Dalam kerangka Islam Berkemajuan, maqasid berfungsi sebagai kompas memastikan hukum tidak dilaksanakan secara kaku sehingga menzalimi manusia. Pendekatan maqasid tidak bermaksud menolak nas, tetapi memahami nas dalam kerangka tujuan yang lebih besar.

Dengan pendekatan ini, Islam mampu menawarkan penyelesaian yang adil dan realistik terhadap isu-isu kontemporari seperti tadbir urus, ekonomi, pendidikan dan keharmonian sosial, tanpa kehilangan identiti syariahnya.

Dalam konteks Malaysia hari ini, gagasan Malaysia MADANI boleh difahami sebagai satu kerangka pentadbiran dan pembangunan negara selari dengan prinsip Islam Berkemajuan.

Islam Berkemajuan berfungsi sebagai sumber akhlak dan kebijaksanaan, manakala Malaysia MADANI menjadi wahana pelaksanaan nilai itu dalam realiti pentadbiran dan masyarakat majmuk.

Ia satu seruan menghidupkan semula tradisi kecemerlangan dan kegemilangan Islam yang menuntut umat Islam keluar daripada kejumudan berfikir, kembali kepada disiplin ilmu dan berijtihad dalam ruang yang dibenarkan syarak.

Dalam konteks masyarakat majmuk dan negara berperlembagaan hari ini, pendekatan ini menuntut kebijaksanaan hukum, kecerdasan sosial dan keberanian intelektual, sambil tetap setia kepada prinsip wahyu serta nilai keharmonian bersama.